

Guna SMS amaran banjir

KUALA LUMPUR - Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) ber-cadang untuk memperluaskan penggunaan khidmat pesanan ringkas (SMS) untuk memberi amaran awal kemungkinan berlakunya banjir kepada penduduk terutamanya di negeri-negeri pantai timur pada masa akan datang.

Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pengurusan Sumber Air dan Hidrologi JPS, Sazali Osman berkata, bagaimanapun kajian dan analisis terperinci perlu dilaksanakan terlebih dahulu sebelum kaedah itu diperkenalkan.

Beliau berkata, kaedah SMS itu antara perancangan JPS untuk meningkatkan sistem amaran awal banjir berikutan keberkesanan sistem itu yang dibangunkan JPS pada 2006 untuk penduduk di sekitar TTDI Jaya, Shah Alam.

"Sistem SMS Banjir di kawasan TTDI Jaya, Shah Alam ini berfungsi secara automatik dan memberikan amaran awal kemungkinan berlakunya banjir, berdasarkan kepada jumlah hujan yang direkod di kawasan hulu Sungai Damansara dan mengambil kira bacaan aras air di sungai berkenaan," katanya. Bernama